

MAHATHIR - NANAS

KUALA LUMPUR, 3 SEPT (BERNAMA) -- AMERIKA SYARIKAT TELAH MENERIMA SEMULA NANAS MALAYSIA YANG DIPOTONG DALAM BENTUK KIUB DIESKPORT KE NEGARA ITU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI.

KATANYA BELIAU DIBERITAHU MENGENAI PERKARA ITU OLEH ENCIK RICHARD RONK, PENGARAH POLISI PENGELUARAN MAKANAN, PIHAK BERKUASA DADAH DAN MAKANAN, AMERIKA SYARIKAT, HARI INI.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN ASIA PERTAMA MENGENAI KESELAMATAN MAKANAN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA ITU DIMAKLUMKAN KEPADANYA OLEH ENCIK RONK YANG TURUT MENGHADIRI PERSIDANGAN TERSEBUT.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM INI, AMERIKA SYARIKAT TIDAK MENERIMA NANAS YANG TELAH DIPOTONG DALAM BENTUK KIUB DARI MALAYSIA DENGAN ALASAN IA KURANG PUAS HATI DENGAN KUALITINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERBUATAN MELABEL SEUMPAMA ITU BOLEH MENJEJASKAN EKSPORT HASIL-HASIL KELUARAN NEGARA.

ENCIK RONK PULA MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA PIHAKNYA TELAH MELAKUKAN KAJIAN PADA AWAL TAHUN 1980AN DAN MENDAPATI NANAS-NANAS SEUMPAMA ITU TIDAK MENJEJASKAN KESELAMATAN PENGGUNA. -- BERNAMA  
1447MST 03 09 90